



TEKS UCAPAN

YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI

TIMBALAN PERDANA MENTERI

MERANGKAP

PENGERUSI JAWATANKUASA PENGURUSAN

BENCANA PUSAT

SEMPENA

PELANCARAN BULAN KESIAPSIAGAAN NASIONAL TAHUN 2024

3 OKTOBER 2024 (KHAMIS) | 12.30 T/HARI

PUSAT PEMINDAHAN KEKAL BENCANA (PPKB)

DEWAN SERBAGUNA TAMAN KOTA JAYA

KOTA TINGGI, JOHOR

[SALUTASI] – akan diberikan semasa majlis perasmian.

Terima Kasih Saudara/ Saudari Pengerusi Majlis,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan

PENDAHULUAN

1. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah menetapkan 13 Oktober setiap tahun sebagai sambutan Hari Pengurangan Risiko Bencana Peringkat Antarabangsa. Jadi mengambil semangat itu, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) telah menjadikan bulan Oktober setiap tahun sebagai Bulan Kesiapsiagaan Peringkat Nasional bermula dari tahun 2016 lagi.
2. Di peringkat antarabangsa, tema yang diangkat adalah **“Empowering The Next Generation For A Resilient Future”**, manakala di peringkat kebangsaan, tema sambutan Bulan Kesiapsiagaan Nasional pada tahun ini adalah **“Malaysia Madani, Siaga Bencana”**.
3. Tujuannya tetap sama – bagi memberi kesedaran kepada semua tentang pendekatan menyeluruh kerajaan (*whole of government*) dan penglibatan komuniti setempat (*whole of society*) ke arah kesiapsiagaan menghadapi dan mengurangkan risiko bencana.
4. Walaupun kita sentiasa menambahbaik cara pengurusan risiko negara tetapi kita tidak lekang dengan laporan berita manusia

menjadi korban dan harta benda musnah susulan bencana alam – baik banjir, tanah runtuh, fenomena kepala air atau ribut taufan.

5. Justeru, adalah menjadi tugas kita bersama memastikan apa jua yang bakal terjadi – kita bersama lebih bersedia menghadapinya dengan SOP yang tepat, menjadikan the Do and Dont's sebagai tabiat dan teknologi sebagai cara pengurusan menangani segala bencana denga cepat.

OBJEKTIF BKN 2024

Hadirin dan hadirat sekalian,

6. Sambutan Bulan Kesiapsiagaan Nasional ini bukan lah dilakukan untuk meraikan bencana – tetapi ia adalah stimulus kepada kesiapsiagaan Kerajaan terhadap bencana lebih-lebih lagi dalam menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) yang kian tiba.
7. Malah, Kerajaan ingin pastikan rakyat lebih bersedia dengan latihan dan pengetahuan kerana tanggungjawab pengurusan bencana ini adalah tanggungjawab bersama. Saya sentiasa percaya walaupun bencana tidak boleh dielakkan tetapi risiko bencana boleh diuruskan dan impak bencana boleh diminimumkan apabila tahap kesiapsiagaan menghadapi bencana sentiasa diamalkan dan dipertingkatkan oleh semua pihak.
8. Oleh sebab itu, sejak saya menjadi Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat – 2C saya tekankan... **Communication dan Coordination.** Penglibatan kolektif semua

pihak dengan penyelarasan yang betul membolehkan sesuatu gerak kerja itu lebih sempurna, mengurangkan kerugian pengurusan bencana negara yang akhirnya menjadikan Malaysia sebuah negara berdaya tahan bencana.

9. Lihat sahaja, pada Monsun Timur laut 2023 yang lalu, **nilai kerugian yang ditanggung oleh pihak Kerajaan adalah sebanyak RM275 juta, iaitu tempoh dari Januari sehingga Disember 2023. Nilai kerugian ini menurun berbanding RM1.03 billion pada MTL 2022.** Penurunan jumlah kerugian yang ditanggung oleh Kerajaan ini saya percaya adalah hasil pengurusan bencana yang lebih cekap dan berkesan oleh pelbagai pihak yang terlibat dalam pengurusan bencana.

PENGURUSAN BENCANA DAN PENGURANGAN RISIKO BENCANA

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

10. Penglibatan komuniti adalah asas keberkesanan pengurusan dan pengurangan risiko bencana. Komuniti setempat, sebagai barisan hadapan - memerlukan pengetahuan, kemahiran, dan sumber yang mencukupi untuk bertindak balas dengan pantas dan berkesan. Penyertaan aktif dalam perancangan dan pelaksanaan langkah kesiapsiagaan dapat mengurangkan impak bencana, mempercepat pemulihan, dan membina daya tahan yang lebih kuat.
11. Saya mahu Program Community-Based Disaster Risk Management (CBDRM) yang dilaksanakan oleh NADMA bersama

agensi kerajaan dan NGO dipergiatkan untuk memperkasakan komuniti sebagai penyelamat awal dan agen pengurangan risiko. Sehingga September 2024, seramai 9,634 orang telah terlibat dalam program ini dan saya mahu lebih ramai penyertaan komuniti di dalam program ini bagi membina daya tahan (*resilience*) yang lebih kuat dalam menghadapi bencana di masa hadapan.

12. NADMA, sebagai agensi peneraju pengurusan bencana sentiasa mengemaskini dasar dan mekanisme bagi meningkatkan keupayaan negara dalam mengurus bencana. Malah kita juga giat menggubal satu dasar khusus bagi memastikan langkah-langkah pengurusan bencana yang diambil adalah relevan dengan cabaran dan kompleksiti semasa serta berupaya meningkatkan keupayaan negara dalam menghadapi dan menguruskan bencana dengan lebih baik.
13. Syukur alhamdulillah, penggubalan dasar ini telah pun selesai dan mendapat kelulusan kabinet dan pada hari ini **Dasar Pengurangan Risiko Bencana Negara 2030** ini akan **dilancarkan pada hari ini bersempena dengan Bulan Kesiapsiagaan Nasional 2024**. Insya-Allah, dasar ini akan menjadi panduan utama untuk mengurangkan risiko, meminimumkan impak bencana, dan mewujudkan negara yang berdaya tahan. Ia membolehkan koordinasi yang lebih jelas dan tersusun antara semua pihak. Dasar ini juga penting untuk memperkukuh daya tahan, kesedaran, dan kesediaan masyarakat melalui pengurusan risiko yang komprehensif dan holistik.

USAHA KERAJAAN DALAM MEMPERKASA PENGURUSAN BENCANA

Hadirin dan hadirat sekalian,

14. Kerajaan sentiasa berusaha untuk memperkukuh pengurusan bencana negara demi memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat yang terkesan akibat bencana. Salah satu langkah penting adalah memperluaskan penggunaan sistem **Disaster Geospatial Information Management (DGIM)** oleh **NADMA** di semua negeri. Sistem ini akan membolehkan pemantauan dan pelaporan situasi bencana yang lebih efisien. Kita telah mengadakan sesi libat urus, latihan, dan dry run dengan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri untuk memastikan dashboard ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya. InsyaAllah berdasarkan pengalaman yang kita ada disulami dengan penggunaan data yang tepat dan terkini - tahap kesiapsiagaan dalam menghadapi bencana dapat dipertingkatkan.
15. Tambahan itu, dalam usaha memastikan kebajikan mangsa bencana terjaga, Kerajaan juga telah **memperkenalkan Pusat Pemindahan Kekal Bencana (PPKB)**. PPKB ini dilengkapi dengan kemudahan asas yang selesa bagi menampung mangsa bencana. Terdapat sembilan projek rintis PPKB yang sedang dilaksanakan, dengan SK Seri Medan di Batu Pahat, Johor, menjadi lokasi pembinaan yang dijangka siap pada November 2025.
16. Dewan Serbaguna Taman Kota Jaya, yang telah dinaiktaraf, merupakan PPKB pertama di negara ini yang bersedia digunakan

untuk menghadapi Musim Tengkujuh (MTL) tahun ini. Selain itu, bagi memastikan aspek kebajikan terpelihara – Kerajaan akan pastikan di setiap kualiti, kebersihan dan keselamatan makanan sentiasa diberikan perhatian.

17. Melihat dari sudut infranstruktur, kita telah membuat **perolehan lima unit Jambatan Panel Keluli Bermodular (Bailey Bridge) bernilai RM21 juta**. Jambatan sementara ini penting dalam memulihkan jaringan jalan yang terjejas akibat bencana, terutama semasa banjir. Tiga unit akan dihantar ke Sabah, satu ke Sarawak, dan satu lagi ke Kelantan. Kerajaan juga merancang untuk menambah dua unit lagi untuk mana-mana negeri yang memerlukan.
18. Di samping itu, sebanyak **RM3 juta telah diperuntukkan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk perolehan khemah pos kawalan tempat kejadian (PKTK)** dengan kelengkapan yang diperlukan. Khemah ini berfungsi sebagai pusat pengendalian dan komunikasi untuk memantau situasi bencana seperti kemalangan dan kebakaran. Kerjasama strategik antara PDRM dan NADMA juga telah diadakan melalui bengkel operasi bencana, yang bertujuan untuk meningkatkan keupayaan 88 pegawai kanan PDRM agar sentiasa bersedia sebagai Komander Operasi Bencana.
19. Kesimpulannya, usaha-usaha ini menunjukkan komitmen Kerajaan dalam memperkasa pengurusan bencana demi kesejahteraan rakyat dan negara. Menguruskan bencana adalah perkara serius. Ia melibatkan nyawa. Setiap langkah kita perlu

teratur dan saya percaya hasrat kita sama – kita tidak mahu dengar lakaran cerita duka dan lara rakyat disebabkan menjadi mangsa bencana alam.

PENUTUP

Hadirin yang saya hormati,

20. Sebagaimana yang telah saya sampaikan, pengurusan bencana memerlukan penglibatan semua pihak, bukan hanya Kerajaan. Saya ingin zahirkan rasa terima kasih kepada pihak swasta, badan korporat, dan NGO yang telah bersama-sama membantu mangsa bencana melalui sumbangan kewangan, aset, dan kepakaran teknikal. Saya menyeru agar lebih banyak syarikat dan organisasi turut serta dalam usaha mempertingkatkan kesiapsiagaan negara kita.
21. Terima kasih juga kepada Universiti Kuala Lumpur (UniKL) yang telah menyumbangkan 28 unit bot kepada kerajaan di bawah program Community-Based Disaster Risk Management (CBDRM). Bot-bot ini akan sangat berguna untuk menghantar bantuan dan menyelamatkan penduduk yang terperangkap semasa bencana.
22. Saya ingin mengucapkan syabas kepada NADMA dan Kerajaan Negeri Johor sebagai tuan rumah bagi pelancaran Bulan Kesiapsiagaan Nasional 2024. Penghargaan juga kepada semua agensi yang terlibat dalam menjayakan program ini.

23. Marilah kita bersama-sama memupuk budaya kesiapsiagaan bencana sebagai amalan berterusan - bukan hanya pada bulan Oktober, tetapi sepanjang tahun. Semoga negara Malaysia dan seluruh rakyatnya dilindungi dari segala bentuk bencana.

24. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya melancarkan **Bulan Kesiapsiagaan Nasional Tahun 2024 dan Dasar Pengurangan Risiko Bencana Negara 2030. Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.**